

Newspaper	Sinar Harian
Date	8/5/2013

Desak PM tarik balik kenyataan

Sinar Harian - 8/5/2013

SEGAMBUT – DAP Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menarik balik kenyataannya melabelkan tsunami Cina berhubung peningkatan kerusi DAP dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU1).

Setiausahanya, Lim Lip Eng berkata, Najib perlu memohon maaf kepada semua pengundi terutamanya yang bukan berbangsa Cina kerana memilih Pakatan Rakyat (PR).

Lip Eng berkata, peningkatan kerusi dimiliki DAP dan PR adalah bukan faktor pengundi Cina sebaliknya mesej jelas oleh rakyat negara ini secara keseluruhannya.

Menurutnya, Najib perlu tahu lebih 51 peratus pengundi memilih PR kali ini menunjukkan bukan sahaja orang Cina.

“Kenyataan dibuat Najib menunjukkan wajah sebenar Umno dan tidak menepati janji serta laungan 1Malaysia selama ini.

“Ini ‘cakap tak serupa bikin’ kerana sepatutnya sebagai Perdana

Menteri, beliau patut menyatukan rakyat bukan memecah belah dan perlu rasional,” katanya kepada Sinar Harian semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan dibuat Najib berhubung peningkatan kerusi DAP disifatkan sebagai tsunami Cina.

Semalam Sinar Harian melaporkan, Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan kenyataan Najib itu sebagai tidak bertanggungjawab.

Anwar berkata, Najib tidak wajar melabelkan keadaan tersebut sebagai tsunami Cina.

Najib menyatakan berlaku tsunami pengundi Cina dan beliau melahirkan kebimbangan trend polarisasi pengundian yang dikatakan boleh mencetuskan ketegangan.

Lip Eng berkata, beliau menasihatkan mana-mana pihak supaya tidak membuat sebarang kenyataan rasis kerana dikhuatiri boleh menimbulkan ketegangan kaum.